

# Maqam taubat dalam tasawuf

**W**ALAU PUN dalam kalangan tokoh besar sufi, seperti dicatatkan sebelum ini dalam *Bicara Tasawuf*, didapati tidak sekata dalam menentukan turutan dan bilangan pelbagai maqam (darjat/tingkat) yang dialami dan dihayati mereka, namun setiap mereka tetap sepakat meletakkan taubat sebagai maqam pertama.

Inilah keistimewaan maqam taubat, khususnya dalam konteks penghayatan keseluruhan maqam sufi yang mensyaratkan bahawa seseorang *salik* tidak boleh berpindah dari satu maqam ke maqam lain selagi dia masih belum menghayati secara sempurna maqam yang sedang didudukinya.

Ini bermakna pelbagai maqam lain selepas taubat tidak boleh diterima kewujudannya tanpa terlebih dahulu dihayati secara sempurna maqam taubat.

**Al-Suhrawardi** dalam tulisan beliau, *'Awarif al-Ma'arif* mencatatkan perihal berikut:

- ◆ Taubat bagaikan tapak bagi binaan sebuah bangunan. Oleh itu, kalangan orang yang tidak mempunyai tapak, pastinya tidak boleh didirikan bangunan.

- ◆ Selagi tidak menyempurnakan maqam taubat atau tapak, maka selagi itu tidak boleh berpindah ke maqam lain.

## MAKSUD SEGI BAHASA

- ◆ Taubat merujuk kepada pengertian 'kembali' atau 'rujuk semula'.

- ◆ Dari segi penggunaan bahasa, taubat adalah satu tindakan kembali daripada perbuatan pergi yang telah lebih awal dilakukan oleh seseorang manusia.

- ◆ Ungkapan 'pergi' dalam konteks ini merujuk kepada 'suatu ketelanjuran' yang dilakukan oleh seseorang sehingga dia perlu 'kembali' semula atau bertaubat untuk memperbaiki ketelanjuran tersebut.

**Al-Qushayri** dalam *al-Risalah al-Qushayriyyah* menjelaskan istilah taubat sebagai suatu perlakuan meninggalkan segala apa yang tercela dari segi syarak untuk melaksanakan perkara terpuji.

## bicara tasawuf

Oleh **PROFESOR DATUK ZAKARIA STAPA**

Penyandang Kursi Sheikh Abdullah Fahim, Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia



## KATEGORI MAQAM TAUBAT

Golongan sufi membahagikan maqam taubat kepada tiga jenis seperti berikut:

**1** Taubat daripada apa yang salah kepada yang betul.  
◆ Golongan sufi menjelaskan taubat jenis ini merujuk kepada taubat dalam kalangan orang awam daripada sesuatu kesalahan atau dosa yang dilakukan mereka.

**2** Taubat daripada apa yang betul kepada apa yang lebih betul.  
◆ Merujuk kepada taubat golongan *khawas*.

**3** Taubat daripada kesedaran sendiri kepada kesedaran tentang kewujudan Allah.  
◆ Merujuk kepada taubat golongan yang 'tenggelam' dalam cinta terhadap Allah.

Ini bermakna, golongan sufi melihat keseluruhan makhluk manusia tidak berada pada aras atau tahap yang sama. Ia berdasarkan kepada dekat atau jauhnya hubungan manusia dengan Allah.

Seterusnya, untuk mendapat ilustrasi lebih jelas mengenai taubat mengikut jenis manusia seperti di atas, maka dua sudut pandangan golongan sufi berikut perlu diteliti:

**1** **Sahl b. 'Abd Allah al-Tustari** bersama dengan segolongan sufi menjelaskan bahawa taubat itu merujuk kepada perihal seseorang yang tidak melupakan dosa-dosa yang dilakukannya, malah sering mengingati dan

**ALLAH** Maha Pengampun yang tidak pernah menutup pintu taubat kepada hamba-Nya. - GAMBAR HIASAN

menyesali dosa-dosa tersebut.

- ◆ Mereka mengatakan bahawa sekalipun seseorang itu banyak melakukan kebaikan, namun dia tidak akan berasa bangga dengan perbuatan-perbuatan baik tersebut.

- ◆ Menurut keyakinan mereka, menyesali perbuatan jahat adalah lebih utama daripada berbangga dengan perbuatan baik.

- ◆ Seseorang yang sentiasa mengingati dan menyesali perbuatan jahat akan dapat menghindarkan diri daripada sifat sombong, riyak' dan membangga diri.

**2** **Al-Junayd al-Baghdadi** dan segolongan sufi yang lain pula menjelaskan bahawa hakikat atau tabii maqam taubat tersebut ialah melupakan dosa.

- ◆ Golongan yang melakukan taubat tersebut terdiri daripada kekasih Allah yang hakikatnya sentiasa berada dalam keadaan *mushahadah* terhadap Allah.

- ◆ Adalah menjadi kesalahan untuk mengingati dosa kerana mengingati dosa itu sendiri adalah satu hijab antara Allah dengan orang yang sedang *mushahadah* terhadap-Nya.

- ◆ Mengingati dosa juga adalah satu dosa, kerana ingatan terhadap dosa itu merupakan satu pengalihan daripada mengingati Allah.

Bagaimanapun, **Abu Nasr al-Sarraj al-Tusi**, seperti yang dijelaskannya dalam *al-Luma' fi al-Tasawuf*, perbezaan antara dua golongan sufi yang memperkatakan tentang taubat seperti di atas adalah berkait langsung dengan perbezaan jenis maqam taubat yang mereka perihalkan.

**Iaitu:**

- ◆ Takrif atau tabii taubat

## Glosari Ringkas

### Khawas

Golongan Mukmin khusus yang tidak mengharapkan apa-apa daripada ibadat yang mereka lakukan. Semuanya semata-mata untuk mendekatkan diri dengan Allah. Mereka adalah para wali yang menyerahkan seluruh hidup kepada Allah semata-mata.

### Salik

Seorang yang sudah berada dalam perjalanan kerohanian peringkat demi peringkat, tetapi masih belum mencapai taraf makrifat terhadap Allah. Istilah ini juga dirujuk kepada seseorang yang menjalani suluk melalui tarekat tertentu.

### Mushahadah

Penyaksian dengan mata hati terhadap apa yang ada dalam alam tinggi, yang terjadi secara langsung.

### Hijab

Tirai atau tabir. Menurut pandangan ilmu tasawuf seseorang insan itu dianggap sebagai ditabiri (*mahjub*) apabila kesedarannya diberi arah oleh hawa nafsu, sehinggalah hati tidak dapat menerima cahaya Tuhan.

yang diberikan oleh al-Tustari itu merujuk kepada jenis taubat dalam kalangan murid; sedangkan tabii taubat yang diperihal oleh al-Junayd pula merujuk kepada golongan yang telah berjaya merealisasikan hakikat tasawuf.

Apabila difahami dengan baik jenis-jenis taubat dan hakikat makna yang terkandung dalam istilah taubat seperti diuraikan oleh golongan sufi itu, dapat difahami dengan baik kenapa Rasulullah SAW yang walaupun telah diperakukan oleh Allah bahawa dosa Baginda yang lepas, yang sekarang dan akan datang telah sedia diampunkan oleh Allah, namun Baginda tetap terus melakukan taubat kepada Allah.